

# **KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN (KPPK) National Union Of The Teaching Profession (NUTP)**

## **LATARBELAKANG**

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (**KPPK**) adalah hasil gabungan National Union Of Teachers (**NUT**) dan Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan (**KKGSK**). Ia ditubuhkan pada 27 Jun 1974.

## **RASIONAL**

**KPPK** sentiasa menghadapi berbagai-bagai cabaran. Empat cabaran utama yang kini dihadapi adalah:

1. Meningkatkan **imej profesionalisme** para pendidik.
2. Membela **hak-hak asasi** dan **hak-hak istimewa** kaum guru.
3. Memelihara dan mempertingkatkan **kebajikan** kaum guru.
4. Mewujudkan **peluang kemajuan** staf dan pemetaan **kemajuan kerjaya** bagi setiap orang guru dalam sistem pendidikan.

**KPPK adalah satu badan yang diwujudkan oleh guru-guru untuk guru-guru.**

Adalah wajar bagi **semua guru** menjadi ahli dalam Kesatuan ini untuk memperkuatkan **perjuangan profesion** bagi memperolehi serta menikmati faedah-faedah.

Sebagai pembela guru dan pembela profesion keguruan, **KPPK** sentiasa memberikan perhatian dan menunjukkan keprihatinan terhadap **perkhidmatan** para guru, perhubungan perusahaan, **keistimewaan khas** dan lain-lain perkara berkaitan dengan profesion ini.

Di samping membantu guru-guru memahami peranan mereka dalam memenuhi hasrat **Falsafah Pendidikan Negara**, **KPPK** juga sedang berusaha untuk meningkatkan **imej profesionalisme** guru-guru. Marilah kita bersama-sama membina **KPPK** sebagai **badan keguruan** kebangsaan dan antarabangsa dan yang ulung bagi meningkatkan **martabat kaum guru** dan pengaruh profesion keguruan.

## **MATLAMAT**

Untuk meningkatkan taraf profesion perguruan dan perpaduan guru.

## **TUJUAN**

1. Memajukan kepentingan ahli-ahli dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan **perhubungan, perusahaan, kemasyarakatan dan pengetahuan**.
2. Meningkatkan daya pengeluaran guru-guru dalam aspek **pengajaran dan pembelajaran**.
3. Mengatur perhubungan di antara ahli dengan majikan bagi melaksanakan **perhubungan perusahaan yang baik**.
4. Memastikan **syarat-syarat pekerjaan** yang berpatutan serta **keselamatan** para ahli.
5. Meningkatkan **daya pengeluaran** serta mengekalkan **tangga gaji yang adil** dan sesuai dengan kelayakan dan pengalaman bagi guru-guru.
6. Memajukan **kebajikan** ahli-ahli, **kebendaan** dan **pendidikan** menurut lunas undang-undang.

7. Menjadikan kesatuan sebagai sebuah **badan kebangsaan** yang mengatur, mempengaruhi, memajukan dan merancang semua aspek perguruan.
8. Melindungi ahli dari **penganiayaan** dan **penindasan**.

### KEUNGGULAN KPPK

1. Kesatuan yang **terbesar** di Malaysia
2. Kesatuan guru yang **tunggal** di **CUEPACS**.
3. Keanggotaan terbuka kepada **semua guru** tanpa mengira taraf, kelulusan, keturunan, agama, aliran latihan atau pegangan politik.
4. Menganggotai **Majlis Bersama Kebangsaan**.
5. Pengasas **Asean Council Of Teachers (ACT)**.
6. Kesatuan **tunggal** di Malaysia dalam **Education International (EI)** iaitu Pertubuhan Guru (20 juta ahli) dan Trade Sekretariat yang terbesar di dunia.
7. Mempunyai suara di **UNESCO**, **ILO** dan lain-lain agensi **Bangsa-Bangsa Bersatu** melalui Education International.

### KEJAYAAN KPPK

Di antara lain **KPPK** telah berjaya mendapat kemudahan asas bagi kaum guru hasil daripada **tindakan perusahaan** (mogok) NUT pada tahun 1965-1967.

Kemudahan asas yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

- **Jawatan tetap dan berpencen**
- **Perumahan**
- **Perubatan**
- **Pariti gaji**
- **Gaji sama bagi guru wanita**

Kejayaan KPPK yang berterusan adalah seperti berikut:-

- Mencantumkan ratusan skim gaji ke **dua skim**.
- **Status Tetap** untuk guru-guru **wanita**.
- Pengiktirafan untuk kaum guru (**Hari Guru**)
- Peningkatan **status guru** dari kumpulan C ke B
- Berjuang bersama CUEPACS untuk **Pelarasan gaji** bagi semua kakitangan kerajaan
- Mendapatkan **gaji yang sama** bagi **guru siswazah** seperti siswazah dalam perkhidmatan yang lain
- Menambahkan peluang **kenaikan pangkat** untuk guru siswazah dan bukan siswazah
  - Kenaikan pangkat secara "Time-Based"
  - Kadar ganjaran dari 5% ke 7.5%
  - Memperbaiki nisbah guru/kelas
  - Meningkatkan bilangan guru yang dapat peluang ke Universiti
  - Mendapatkan cuti sambilan/cuti perkahwinan
  - Kelonggaran syarat lulus Bahasa Malaysia bagi guru-guru tetap untuk peningkatan ke gred yang lebih tinggi
  - Kelonggaran syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan bagi guru-guru yang telah disahkan dalam jawatan.
  - Peluang untuk guru-guru jawatan D2 dan D3 ke D1
  - Peluang untuk guru-guru Kategori B1 dan B2 ke C8
  - Peningkatan kemudahan perubatan

## PERKHIDMATAN

Membantu dalam segala urusan berkaitan dengan :-

- **Perlantikan**
- **Pengesahan Jawatan**
- **Kenaikan pangkat**
- **Masalah Gaji**
- **Masalah Cuti**
- **Masalah Pencen**
- **Kejanggalan dalam perkhidmatan**
- **Kes disiplin guru**
- **Persengketaan dengan pihak atasan**
- **Masalah Pinjaman Perumahan dan Kereta**

## LAIN-LAIN PERKHIDMATAN

- **Bantuan guaman**
- **Khidmat nasihat**
- **Bengkel/Seminar**
- **Lawatan Sambil Belajar**
- **Insuran Kumpulan**
- **Tabung Khairat Kematian**
- **Tabung Kebajikan**
- **Berpeluang menjadi ahli Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) Berhad**

## PERJUANGAN SEMASA

1. Meningkatkan **profesionalisme** perguruan.
2. Memperjuangkan **kemudahan** bagi mengatasi masalah pengajaran-pembelajaran semua ahli.
3. Mengurangkan **beban** kerja guru.
4. Memperbaiki **nisbah** guru/kelas
5. Memperjuangkan **taraf saraan** yang lebih baik.
6. **Klasifikasi** guru di bawah SSB.
7. Mengenalpasti dan membetulkan **masalah dalam SSB**.
8. Status **Guru Besar/Pengetua/Penolong Kanan**
9. Menuntut **EKA/ITP** yang lebih tinggi.
10. **Faedah Persaraan** yang lebih baik.
11. **Bonus** Tahunan
12. Melanjutkan **umur wajib** bersara.
13. Menambahkan **cuti bersalin** meningkat Konvensyen ILO.
14. Meningkatkan **had umur** untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.
15. **Skim Gaji/Peluang Kenaikan Pangkat** guru-guru ijazah dan teknikal.
16. **Pinjaman kenderaan** untuk semua guru.
17. Menyediakan kemudahan khas **menjaga anak-anak guru** di sekolah.
18. Menyediakan **kemudahan khas** kepada anak-anak guru.
19. Bayaran **kadar rasmi** bagi tugas MSSM.
20. **Kemudahan perumahan** untuk guru-guru di luar Bandar.
21. **Menyatupadukan keahlian** dalam perkhidmatan perguruan.